

# KEMBARA SEORANG PENYAIR

TEKS DAN FOTO: MUHAMMAD HAJI SALLEH (SASTERAWAN NEGARA)



## DETIK JIWA KOTA

# Leiden




**S**EBUAH PEPATAH BELANDA BERBUNYI, “TUHAN MENCIPTA ORANG BELANDA, DAN ORANG BELANDA MENCIPTA HOLLAND”.

DARATAN NEGARA INI SANGAT KECIL. OLEH HAL YANG DEMIKIAN, TANAH ASAL YANG ADA DILEBARKAN DENGAN TAMBAKAN YANG LUAS YANG MENGAMBIL MASA BERTAHUN-TAHUN. AKHIRNYA, LEBIH 50 PERATUS DARIPADA NEGERI INI DIBINA DARIPADA PASIR DAN LUMPUR LAUT. KETINGGIAN BANYAK KOTANYA HANYALAH KOSONG METER DI ATAS PARAS LAUT! DAN INILAH DASAR KEHIDUPAN PENDUDUKNYA – YANG MERUBAH PASIR DAN LUMPUR INI MENJADI LADANG, PADANG RAGUT, PEKAN-PEKAN DI TEPI LAUT DAN SUNGAI – DAN SELALU HARUS MENYESUAIKAN DIRINYA KEPADA AIR. ORANG BELANDA JUGA MEMBINA KOTA LEIDEN, YANG CUKUP PENTING DALAM SEJARAHNYA SEBAGAI TEMPAT PENJAJAH MEREKA, IAITU SEPANYOL, DIKALAHKAN.



Tali air Rapenburg di samping tapak asal Universiti Leiden.




Tidak berapa lama setelah itu, sebuah institusi ilmu dibina dan cepat dikenali pada peringkat antarabangsa. Kota fizikalnya terletak tidak jauh dari pantai – dengan pekan Katwijk dan Noordwijk di Selat Inggeris. Oleh sebab itu, seperti yang dapat kita jangkakan, kota ini juga sering digenangi air. Tetapi, oleh sebab bangsa ini harus hidup dengan air sepanjang sejarahnya, maka dibangunkan suatu teknologi air dan perparitan yang dapat membendung banjir dan air pasang besar, sehingga mereka terkenal dalam bidang ini.

Teknologi ini mengaturkan supaya air laut dibenarkan mengalir di sepanjang kota. Orang Belanda memerhatikan bahawa selain Amsterdam, Leiden mempunyai tali air yang kedua panjangnya, iaitu 28 kilometer. Mereka membina 88 jambatan untuk menyeberangnya. Oleh hal yang demikian, ke mana pun kita pergi, terdapat air di sebelah atau berdekatan kita. Di luar



Patung Ganesha dari India.

HIER WERD GEBOREN  
OP DEN 15 DEN JULI 1606  
REMBRANDT VAN RIJN



Rembrandt van Rijn.

Muzium Rumah Rembrandt.

kota digali tasik untuk menakung air yang berlebihan.

Di tengah-tengah kota, setiap hari Sabtu, sebuah pasar melimpahkan barang-barangnya di tepi jalan atau laluan yang dibenarkan. Di sinilah penduduknya berbelanja untuk membeli keperluan mereka. Pasar raya dapat dikatakan tidak wujud di negara ini, yang lebih suka kepada pasar tradisionalnya.

### KOTA REMBRANDT

Selain sebagai kota universiti yang terkenal, seperti saya cuba perihalkan sebelum ini, Leiden merupakan kota kelahiran dan tempat tinggal pelukis terkenal,

Rembrandt van Rijn. Beliau lahir di sini pada tahun 1606. Di sini juga beliau membesar sebagai pelukis pelan, pelukis dan *printmaker*. Setelah mula berjaya, Rembrandt memasuki Universiti Leiden. Begitu besar kejayaan dan pengaruhnya, maka kota ini membina sebuah muzium untuknya. Dan kini dikenali sebagai Muzium Rumah Rembrandt. Sementara itu patungnya didirikan di sebuah medan, iaitu di Rembrandtplein, di ibu kota negaranya.

Sebagai kota kecil, Leiden hanya mempunyai sejumlah 120 ribu penduduk. Dari jumlah ini, 30 ribu ialah pelajar di beberapa sekolah dan kolej. Mereka selalu hadir di jalanan, dilihat sedang berkayuh basikal mereka. Leiden dianggap sebagai kota orang muda, dan kota basikal. Ribuan basikal dilihat di mana-mana, sama ada yang bergerak atau yang diparkir. Juga

banyak sekali di depan bangunan stesen, fakulti dan perpustakaan.

Walaupun keretanya cukup banyak, hampir tidak ada pelanggaran yang dapat kita saksikan di jalan. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka sangat patuh dengan peraturan jalan raya, yang juga baik dan teratur lalu lintasnya, dan sayang kepada nyawa mereka. Tetapi, ada ratusan pelanggaran basikal di simpang yang terselindung, dan kesannya ialah luka kecil dan basikal yang bengkok. Itu sahaja. Namun, ada juga yang jatuh ke dalam tali air!

Sekiranya kita ingin ke mana-mana pekan atau perkampungan, hampir semuanya dapat dicapai dengan menaiki basikal sahaja. Sekiranya ada bahagian yang tidak dapat dicapai, maka mereka menyambung dengan kereta api pula dan basikalnya boleh dibawa ke dalam gerabak yang khusus. Cukup lucu bahawa setiap

beberapa bulan ada sebuah perahu kecil yang datang mengorek dasar tali air, dan membawa naik cukup banyak basikal!

## CUACA BELANDA

Cuaca Belanda yang membenarkan pengangkutan jenis ini. Kita dapat berkayuh 10 kilometer tanpa berpeluh. Hanya hujan yang mungkin melambatkan perjalanan kita. Cuaca di sini dapat dianggap buruk oleh orang dari Garisan Khatulistiwa. Hal ini dikatakan demikian kerana melainkan beberapa puluh hari di musim panas dan luruh, pada musim lainnya hari-harinya ditakluk oleh hujan dan gerimis, serta lain-lain jenis air dari awan yang tiada istilahnya dalam perbendaharaan saya. Jadi hujannya amat sering. Oleh sebab salju jarang gugur di sini, maka hujanlah yang menggantikannya.

Yang sangat terasa ialah hakikat bahawa cuaca ini cepat berubah. Pagi yang indah dan bermatahari panas mungkin berubah menjadi petang yang redup, malah gelap oleh hujan. Teori saya tentang penjajahan ialah penduduk negeri yang dingin dan selalu berhujan,

dan makanannya tidak sedap, menakluk negara yang baik cuaca dan enak makanannya, seperti Malaysia, Indonesia, India dan Vietnam, sehingga penyair ini tidak dapat mengelak daripada merakam pengalaman dan perasaannya;



Ribuan basikal di Stesen Leiden.



Kincir angin yang dikenali sebagai De Valk.



Di depan Fakulti Kemanusiaan dan Perpustakaan Universiti Leiden.

## Hari Hujan di Leiden

Air mengalir ke air awan dan parit menawar dan menerima renyai musim. Ini hari buat itik yang mengekor naluri kesenangannya. manusia yang cepat kuyup dan gigil dingin.

Seharian hujannya gugur dari awan yang tidak henti mengangkut air. Tali air memanjat ke tebing lidahnya menjilat bata jalan atau perut jambatan. Rumah-rumah yang senyum warna berubah muram dan sepi.

Alam dan kota kepunyaanmu sekarang, hujan. Biarlah aku merenung dari belakang cermin seorang manusia kuyup yang sudah belajar menerimamu.

*Leiden  
April 1973.*

Hujan membawa dan memberi suasana kota dan suasana hati. Kita menjadi murung dan dipenjara oleh bata;

## Menghadap Bata

Bata menghadap bata. rumah sederet menyata ada. di luar musim meraung mencalarkan parit, menjentik pagi dan melenturkan air batu.

Dua buah tingkap besar menyerahkan jantung sepinya kepada dunia, hidup yang direndahkan untuk pameran berbingkai baik untuk ruang pilihan.

Namun begitu tingkap hanya menyata ada hidup dalam, kaca melicinkan kerut gambar. Di sebelahnya ada jendela, di luar jendela ada samar.

*Leiden  
23 Februari 1993.*




Tetapi air juga menampung kapal dan perahu di permukaannya. Pada hari-hari yang cerah dan pemandangannya sangat indah, orang keluar berjalan dan berbasikal seperti tahanan yang dilepaskan dari kandangnya.

Apabila terkurung di perpustakaan, saya selalu memilih kerusi yang menghadap tingkap kaca dan tali air di luarnya. Dan saya pun menantikan kemunculan daun-daun teratai dari dasarnya, dan sama berasa riang apabila bunga putihnya mengorak kelopaknyanya.

Buku perdukunan Batak di Muzium Etnografik Leiden.





Hortus Botanicus Leiden, taman botani tertua di Belanda.



Sehelai daun teratai besar dan kukuh di Hortus Botanicus Leiden.

Maka saya pun bercuti 10 minit, untuk ke tebing memerhatikanya!

Hujan sering datang dengan angin Laut Utara yang keras. Sekiranya kita berbasikal di atas jalan kecil di kampung, kita mungkin juga ditolak ke dalam tali air atau ke atas rumput. Agak lucu bahawa saya menulis tidak kurang daripada 10 buah sajak kerana kesan kota ini kepada saya, di mana saya tinggal sekitar selama tiga tahun, walaupun tidak sekali gus.

Kota Leiden juga masih menyimpan kincir

angin di tengah-tengahnya, iaitu De Valk, yang dijadikan muzium sebagai ingatan kepada masa sudah perladangannya. Kini kota ini lebih terkenal sebagai kota pelancong dan ilmu – itulah sumber pendapatannya yang terbesar. Leiden juga memiliki sebuah Muzium Etnografik tertua di Eropah, yang tidak sedikit disebabkan oleh hakikat kerana Belanda menjajah di beberapa buah negara yang sangat kaya warisan dan cara hidupnya. Bukti-bukti inilah yang dikumpul dan dibawa balik ke Belanda dan dipamerkan di sini.

Terdapat berbagai-bagai artifak yang dikumpul dari India, Jepun, China dan Mexico dan banyak budaya-budaya lainnya. Mungkin

dari Indonesia muzium ini memiliki sebuah khazanah yang paling besar dan langka, terkumpul daripada berpuluh-puluh suku di seluruh Kepulauan Indonesia.

Perlu disebutkan juga Hortus Botanicus Leiden, iaitu sebuah “muzium yang hidup” yang tertua di Belanda. Hortus Botanicus Leiden ialah sebuah muzium yang sangat besar koleksinya dan dikongsi bersama oleh Universiti Leiden dengan kotanya.

Hortus Botanicus Leiden ditubuhkan sejak 1590, lebih awal daripada Taman Botani Pisa yang dianggap sebagai tertua di dunia. Di taman ini terdapat lebih 10 ribu spesies yang berasal dari seluruh dunia dan jenis cuacanya, dan tidak tertinggal dari Indonesia dan negara-negara tropika, yang menjadi pohon-pohon yang unik di sini.

Hal ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa Leiden ialah sebuah kota kecil, tetapi berjiwa dan berilmu besar. Sejak beratus-ratus tahun yang lalu banyak pencapaian yang disaksikan di sini. Semasa tinggal di sini, saya dapat merasakan detak jiwanya, dan tidak lupa juga detak air hujan di bumbung dan gerimisnya di cermin rumah. **DB**